

SAPP beri jawapan sertai BN esok

KOTA KINABALU, Selasa — Parti Maju Sabah (SAPP) akan membuat keputusan mengenai beberapa cadangan Perdana Menteri berhubung hasratnya untuk menyertai Barisan Nasional (BN), pada 3 Februari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah mendengar pendirian SAPP dalam pertemuannya dengan pemimpin parti itu semalam.

"Malangnya saya tidak boleh jelaskan kepada umum kerana saya ingin memberi peluang kepada mereka untuk membuat keputusan mengenai pendapat saya itu.

"Sehubungan dengan itu, saya juga tidak dapat umumkan nama calon atau kawasan yang mereka akan tanding," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Sabah, di sini semalam.

Menurut Perdana Menteri, beliau akan memaklumkan keputusannya mengenai calon kepada Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau Pengerusi Badan Perhubungan Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai.

Beliau berkata, semua komponen BN sudah

memberi pengakuan akan menerima sebarang keputusan yang dibuat, manakala SAPP yang belum menjadi kerabat BN, akan membuat keputusan Khamsis ini sama ada menyertai BN sebelum atau sesudah pilihan raya.

Ditanya sama ada SAPP akan bertanding menggunakan simbol sendiri, Dr Mahathir berkata soal itu belum diputuskan tetapi BN berpendapat semua anggota komponennya mesti menggunakan simbol dacing.

Bagaimanapun, kata-

nya, jika SAPP menyertai BN selepas pilihan raya, ia akan menjadi persoalan lain yang akan dibincangkan kemudian.

Mengenai kesediaan LDP untuk memberi laluan kepada SAPP dengan tidak bertanding dalam pilihan raya nanti, Perdana Menteri berkata itu adalah pengakuan parti berkenaan, bukannya daripada BN.

"Pengakuan BN akan diputuskan oleh BN. Masing-masing pemimpin berhak nyatakan pendirian tetapi pendirian itu tidak sah pada pandangan BN selagi BN tidak memutuskan," katanya.

Ditanya kenapa BN sedia menerima SAPP sedangkan Presidennya, Datuk Yong Teck Lee dianggap salah seorang pemimpin PBS yang membawa parti itu keluar daripada BN, Perdana Menteri menjelaskan:

"Dalam politik, kadang-kadang kita kawan, kadang-kadang kita lawan. Saya yakin Teck Lee sudah sedar bahawa Pairin (Datuk Joseph Pairin Kitingan) sudah memperalatkan orang Cina untuk kepentingannya semata-mata, bukan untuk parti atau Kadazan," katanya.